

Utusan Borneo : 18 September 2026

Ugut cederakan ibu, lelaki didenda RM3,500

KUCHING: Seorang lelaki berusia 22 tahun didenda RM3,500 atau 10 bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana mengugut hendak mencederakan ibunya yang berusia 49 tahun.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali menjatuhkan hukuman itu terhadap Shahriz Arman selepas dia didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana melakukan ugutan jenayah.

Tertuduh melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Kampung Sejingkat di sini sekitar jam 10 pagi pada 13 September 2026.

Mengikut fakta kes, tertuduh mengugut ibunya selepas tidak berpuas hati apabila ditegur supaya senyap, menyebabkan wanita itu membuat laporan polis.

Siasatan mendapati tertuduh telah mengugut hendak menumbuk ibunya, sehingga menyebabkan mangsa berasa takut.

Difahamkan, ibunya mencegah tertuduh yang menjerit atau meninggikan suaranya ketika marah, kerana bimbang bunyi bising itu didengari jiran.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Aidil Akmal Sharidan, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.